

07/09/1998

Siri penerangan kepada rakyat

PENKALAN CHEPA, Ahad - Badan Perhubungan Umno Kelantan akan mengadakan siri majlis penerangan kepada rakyat dan ahli Umno ke peringkat akar umbi di negeri ini untuk memberi penjelasan dan maklumat berhubung isu pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Majlis ini akan dilakukan secepat mungkin agar rakyat dan ahli Umno peringkat bawahan tidak keliru dan memahami rasional di sebalik pemecatan itu.

Ini kerana rakyat dan seluruh ahli Umno perlu mengetahui pemecatan Anwar daripada Umno dan kerajaan adalah lebih kepada soal moral dalam parti dan masalah peribadi beliau yang tiada kaitan mengenai perbezaan dasar dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Mustapa Mohamed berkata, satu program penerangan mengenai isu itu di peringkat akar umbi akan dirangka secepat mungkin.

Menurutnya, Jawatankuasa Penerangan Umno negeri diketuai Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir, dijangka diberi tanggungjawab merangka program itu dan membahagikan tugas kepada seluruh pemimpin Umno negeri.

"Saya juga akan berbincang dengan Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Annuar Musa mengenai perkara itu.

"Saya berpendapat siri penerangan ini perlu diadakan secepat mungkin di peringkat akar umbi agar seluruh ahli Umno dan rakyat tidak mendapat maklumat salah mengenai isu itu," katanya kepada dalam sidang akhbar di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, di sini hari ini.

Beliau yang juga Menteri Pembangunan Usahawan, berkata menerusi majlis penerangan itu rakyat tidak akan mudah terpengaruh dan mendengar hasutan pihak luar.

Bagaimanapun, katanya, di peringkat awal ini sesi perjumpaan secara tertutup dengan pemimpin Umno peringkat bahagian akan diadakan bagi membolehkan mereka memahami dan mengetahui secara jelas isu itu.

"Sebagai permulaan saya akan mengadakan siri perjumpaan tertutup dengan pemimpin Umno tiga peringkat bahagian Jeli iaitu ahli jawatankuasa bahagian, Pemuda dan Wanita untuk memberi penjelasan dan penerangan mengenai isu ini petang ini.

"Penjelasan ini amat perlu supaya mereka mengetahui kedudukan sebenar mengenai tindakan yang dimabil oleh Anwar kerana di peringkat akar umbi ada yang kurang maklumat," katanya.

(END)